

Penjawat awam perlu amal budaya kerja cemerlang

# Letak Melaka ke tahap lebih baik



M.S. Sugurani dari Jabatan Ketua Menteri Melaka menerima Anugerah Perkhidmatan Awam daripada Idris.

Oleh LIANA SAHABUDIN

AYER KEROH 29 Feb. - Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron menyarankan supaya seluruh penjawat awam mengamalkan budaya kerja cemerlang bagi merealisasikan Melaka Maju Fasa II, sekali gus mengangkat taraf Melaka ke satu peringkat yang lebih baik.

Katanya, kerajaan negeri komited terhadap budaya kerja cemerlang penjawat awam berpaksikan slogan 'Berkat Tepat Cepat' yang sinonim dengan tugas dan tanggung-

jawab penjawat awam.

Beliau memberitahu, slogan itu membawa kepada sifat positif seluruh kakitangan supaya segala perlakuan dari segi agama dan undang-undang diambil sebagai perkara utama.

Menurutnya, segala tindakan dilakukan mestilah dimulakan dengan niat untuk mendapat keberkatan supaya segala kerja dilakukan itu membuah hasil.

"Kita mahu mengangkat taraf Melaka ke satu peringkat yang lebih baik. Jika kita meletakkan slogan itu pada tahap



IDRIS menyampaikan Anugerah MAPAN kepada Shadan.

utama, sudah pasti ia akan mendapat keberkatan.

"Diharap para penjawat awam di negeri ini dapat bersama-sama dalam kumpulan ini untuk merealisasikan Melaka Maju Fasa II," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Awam Negeri (MAPAN) 2016 di Dewan Seri Negeri di sini hari ini.

Idris berkata, penjawat awam yang menerima anugerah diharap menjadikan ia sebagai suntikan dan motivasi untuk terus menyumbang perkhidmatan cemerlang kepada kerajaan negeri.

"Pada masa sama, mereka boleh menjadi model kepada rakan-rakan lain supaya tidak

hanya menyampaikan kecemerlangan, malah mengekalkan kecemerlangan itu ke peringkat lebih tinggi.

"Pemberian anugerah ini sebagai tanda penghargaan kepada mereka supaya mampu menjadi pemangkin atau pencetus kecemerlangan kepada sesebuah organisasi," katanya.

Katanya, kecemerlangan itu tidak hanya fokus kepada individu, malah mesti melalui kecemerlangan jabatan dan agensi dalam negeri ini.

Hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Othman Muhamad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Naim Abu Bakar dan kakitangan kerajaan negeri.



KAKITANGAN Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri berselfie bersama Idris selepas majlis.